

Harian Metro
14 Jun 2012
Muka Surat 47

BINCANG...Azizi
(dua dari kiri)
menerangkan
operasi NSTP
kepada delegasi
Jabatan
Perangkaan
yang diketuai
Mohd Uzir (dua
dari kanan)
di Balai Berita,
semalam.



30 wakil Jabatan Perangkaan Malaysia lawat Balai Berita

KUALA LUMPUR: Dalam usaha merapatkan hubungan serta memahami fungsi akhbar, seramai 30 wakil Jabatan Perangkaan Malaysia meluangkan masa melawat Balai Berita, The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) di sini, semalam.

Lawatan itu bertujuan menjalin hubungan dengan akhbar terbitan syarikat, Berita Harian, Harian Metro

**Lawatan bertujuan
jalin hubungan bagi
membentuk
jaringan padu
dalam kebajikan**

dan New Straits Times bagi membentuk jaringan padu dalam kebajikan serta kepentingan jabatan dan pembaca akhbar kumpulan NSTP.

Sesi dialog turut diadakan bersama Pengarah Eksekutif Projek Khas NSTP, Azizi Othman yang menjelaskan operasi dan aktiviti syarikat, manakala Pengarah Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan Jabatan Perangkaan, Mohd Uzir Mahidin menjelaskan operasi, peranan dan perkembangan jabatan berkenaan.